

## KENYATAAN AKHBAR

### PRODUK TRADISIONAL EL BIOZING DIKESAN MENGANDUNGI RACUN BERJADUAL DEXAMETHASONE

1. Biro Pengawalan Farmaseutikal Kebangsaan (BPFK), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin menggesa orang awam untuk mengelak daripada membeli dan mengguna produk tradisional berikut yang telah dikesan mengandungi racun berjadual dexamethasone.

<b>Nama Produk (No. Pendaftaran)</b>	<b>Bahan Campur Palsu Yang Dikesan</b>	<b>Pemegang Pendaftaran Produk</b>
<b>El Biozing (MAL10070646TC)</b>	<b>Dexamethasone</b>	<b>Lagenda Organic Biotech Sdn Bhd, Kelantan</b>

2. Pendaftaran produk ini telah dibatalkan oleh Pihak Berkuasa Kawalan Dadah (PBKD) pada mesyuaratnya yang ke – 290 bertarikh 3 Ogos 2015 berikutan pengesanan racun berjadual tersebut di dalam produk berkenaan yang tidak dibenarkan dalam formulasi produk tradisional.

3. Produk El Biozing didaftarkan sebagai produk tradisional untuk kesihatan lelaki dan wanita serta menguatkan badan. Namun, produk ini telah dipromosikan di pasaran oleh pengedar syarikat Penawar Lagenda Marketing dengan pelbagai tuntutan rawatan kesihatan yang tidak diluluskan termasuk menguatkan otot dan tulang serta melegakan sakit sendi.

#### PERIHAL BAHAN RACUN BERJADUAL

4. Dexamethasone merupakan sejenis kortikosteroid yang dikawal di bawah Akta Racun 1952. Dexamethasone bertindak sebagai agen anti radang yang poten dan biasa digunakan dalam rawatan alergi. Ia hanya boleh dibekalkan oleh doktor atau diperolehi dari farmasi dengan preskripsi doktor. Dexamethasone hanya boleh digunakan dengan pengawasan ketat oleh profesional kesihatan.

5. Penggunaan dexamethasone secara berpanjangan tanpa pengawasan ahli profesional kesihatan boleh mengakibatkan kesan sampingan serius yang boleh membahayakan kesihatan seperti kelemahan otot, kerapuhan tulang, peningkatan gula dalam darah yang boleh membawa kepada kencing manis, tekanan darah tinggi,

glaukoma dan peningkatan risiko mendapat infeksi. Pengguna juga boleh mengalami 'Cushing's syndrome' yang dicirikan dengan muka membulat (*round face*) dan bahagian atas badan membesar tetapi lengan dan kaki seolah mengecil.

#### **PERINGATAN KEPADA PENJUAL DAN PENGEDAR PRODUK INI**

6. Penjual dan pengedar produk ini diberi amaran untuk menghentikan penjualan dan pengedaran dengan serta-merta. Penjual adalah diingatkan pemilikan untuk jualan produk ini melanggar Akta Jualan Dadah 1952 dan Peraturan-Peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik 1984.

7. Individu yang melakukan kesalahan di bawah Peraturan-Peraturan ini boleh dikenakan hukuman denda tidak melebihi RM25,000 atau penjara tidak melebihi 3 tahun atau kedua-duanya untuk kesalahan pertama dan denda tidak melebihi RM50,000 atau penjara tidak melebihi 5 tahun atau kedua-duanya untuk kesalahan-kesalahan berikutnya. Syarikat yang melakukan kesalahan boleh dikenakan denda sehingga RM50,000 untuk kesalahan pertama dan denda sehingga RM100,000 untuk kesalahan berikutnya.

#### **PERINGATAN KEPADA ORANG AWAM**

8. Orang awam yang sedang menggunakan produk El Biozing adalah dinasihatkan supaya SEGERA mendapatkan nasihat serta rawatan dari profesional kesihatan. Pemberhentian mendadak pengambilan produk yang mengandungi steroid tanpa pengawasan professional kesihatan boleh menyebabkan simptom-simptom serius seperti lemah badan, kekeliruan dan tekanan darah rendah terutamanya bagi pengguna yang telah mengambil produk ini lebih daripada beberapa minggu.

9. Orang ramai boleh menghubungi BPFK di talian 03-78835400 untuk sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut.

10. Orang awam juga boleh menyemak status pendaftaran sesuatu produk dengan melayari laman sesawang [www.bpfk.gov.my](http://www.bpfk.gov.my)



**Datuk Dr. Noor Hisham bin Abdullah**  
**Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia**  
**Merangkap Pengerusi PBKD**  
**Kementerian Kesihatan Malaysia**

## PRESS RELEASE

### TRADITIONAL PRODUCT EL BIOZING FOUND TO CONTAIN SCHEDULED POISON DEXAMETHASONE

1. The National Pharmaceutical Control Bureau (NPCB), Ministry of Health (MOH) would like to urge the public to refrain from buying and using a traditional product as follow which had been found to contain dexamethasone, a scheduled poison.

<b>Product Name (Registration Number)</b>	<b>Adulterant detected</b>	<b>Product Registration Holder</b>
<b>El Biozing (MAL10070646TC)</b>	<b>Dexamethasone</b>	<b>Lagenda Organic Biotech Sdn Bhd, Kelantan</b>

2. Registration of this product has been cancelled by the Drug Control Authority (DCA) at its 290<sup>th</sup> meeting on 3<sup>rd</sup> of August 2015. Any scheduled poison is not allowed to be formulated in a product which is classified as a traditional product.

3. El Biozing is registered as a traditional product for men's and women's health and to strengthen the body. However, this product has been promoted in the market by its distributor Penawar Lagenda Marketing with various unapproved health claims includes strengthening muscles and bone and for joint pain relief.

#### **ABOUT SCHEDULED POISON**

4. Dexamethasone is a corticosteroid controlled under the Poisons Act 1952. Dexamethasone acts as a potent anti-inflammatory agent and is commonly used in the treatment of allergies. It can only be supplied by doctors or pharmacies with a doctor's prescription. Dexamethasone should only be used under close supervision by healthcare professionals.

5. Long term unsupervised use of dexamethasone can lead to serious side effects that can be harmful to health such as muscle weakness, bone loss, increased in blood sugar levels leading to diabetes, high blood pressure, glaucoma and an increased risk of infections. Consumer can also experience Cushing's syndrome which is characterized by a rounded face and enlarged upper part of body but shrinkage of arms and legs.

## **WARNING TO SELLERS AND DISTRIBUTORS**

6. All sellers are warned to stop sales and distribution of this product. All sellers are reminded that possession for sale of this product violates the Sale of Drug Act 1952 and Control of Drugs and Cosmetics Regulations 1984.


7. Individuals who commits an offence under these laws will face penalty up to RM25,000 and or imprisonment for a period up to three (3) years for the first offence, and penalty up to RM50,000 and or imprisonment for a period up to five (5) years for a subsequent offence. A company found guilty can be fined up to RM50,000 for the first offence and a fine of up to RM100,000 for a subsequent offence.

## **ADVISORY TO PUBLIC**

8. Members of the public who are using El Biozing product are advised to IMMEDIATELY consult a doctor before stopping. Sudden discontinuation of taking products that contain corticosteroid without proper medical supervision can cause serious withdrawal symptoms such as weakness, confusion, and low blood pressure, especially for users who have been taking this product for more than a few weeks.

9. Consumers can contact NPCB at 03-78835400 for further inquiry or information regarding the product.

10. Members of the public can also check registration status of a product by visiting the NPCB's website [www.bpfk.gov.my](http://www.bpfk.gov.my)



**Datuk Dr. Noor Hisham bin Abdullah**  
**Director General of Health Malaysia**  
**As Chairman of DCA**  
**Ministry of Health Malaysia**



**Penawar Legenda**

Digunakan secara tradisional untuk kesihatan lelaki dan wanita serta menguatkan badan

**Dos dewasa sahaja:**  
Makan 2 biji kapsul 1 kali sehari sebelum makan

**Larangan:**  
Jauh daripada kanak-kanak. *Keep out of reach of children.* Jika penyakit berlarutan, dapatkan nasihat doktor. Simpan ditempat kering dan dingin. Dilarang untuk wanita hamil. *Contraindicated in pregnant women.* Sumber gelatin kapsul bovine. Ini adalah persediaan tradisional

Setiap 400mg kapsul mengandungi:

Rhizoma Zingiber Officinale	90mg
Herba Andrographis Paniculata	70mg
Rhizoma Curcuma Longa	50mg
Semen Nigella Sativa	50mg
Fructus Piper Cubeba	50mg
Fructus Piper Nigrum	30mg
Rhizome Simlex Myosotiflora	30mg
Radix Eurycoma Longifolia	50mg

EXP: 6 / 2017

655553400174

MAKHLAK HARAM  
Halal Malaysia  
GMP

Penawar Legenda Marketing

f t

**Pengilang Penawar:**  
SABIT BAHANI INDUSTRIES SDN BHD  
(125845-V)  
Blk 4 & 5, Kawasan Industri Mara (KIP),  
Fasa 2, Jalan Pelanduk Tambak,  
Peringkat Chempu, 16100 Kota Bharu, Kelantan,  
MALAYSIA.

**Pengilang Pendaftaran:**  
LEGENDA ORGANIC BIOTECH  
SDN BHD (121837)  
Lot 107, Wana Legenda, Sekayon 22, Jalan  
Rusta Km. 10.500 Kota Bharu, Kelantan,  
MALAYSIA.

**HARGA:**  
WM : RM 90.00  
EM : RM 100.00

MAL10070646TC

Produk :  
El Biozing